

Newspaper	Suara Keadilan
Date	01/05/2015

Dataran Merdeka jadi Tel Aviv Malaysia — Anak Mahathir

Suara keadilan - 1/5/2012

TINDAKAN polis menggunakan kawat duri tajam untuk menutup sekitar Dataran Merdeka mendorong anak bekas Perdana Menteri, Marina Mahathir menyertai demonstrasi Bersih 3.0 semalam.

Menulis dalam blog, Marina - anak kepada Dr Mahathir Mohamad mulanya tidak pasti sama ada menyertainya atau tidak, sebelum mengetahui polis menggunakan kawat duri tajam.

"Sejak bila pihak berkuasa menggunakan kawat duri tajam terhadap rakyat sendiri, seolah-olah kami ini samseng dan pengganas.

"Melihat tanda 'Selamat Datang ke Tel Aviv' dilekat pada penghadang ke Dataran Merdeka, saya rasa ia cukup sesuai," katanya.

Pada 27 April lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menutup Dataran Merdeka dengan penghalang trafik manakala polis memasang kawat duri tajam di hadapan penghalang itu.

Sedangkan, beliau menyifatkan suasana awal demonstrasi seperti pesta, dengan peserta dari pelbagai golongan dan

peringkat umur.

"Semasa menuju Dataran Merdeka, kami ambil gambar aksi peserta, juga berjumpa dengan kawan lama serta peserta yang pertama kali menyertai demonstrasi.

"Mereka bukan golongan yang taksub politik tetapi rakyat biasa yang ingin melakukan sesuatu untuk lihat negara berubah jadi lebih baik," katanya lagi.

Beliau terkejut apabila menerima sms ketika pulang ke rumah, mengatakan polis melepaskan gas pemedih mata ke arah rakyat.

Beliau menyifatkan peserta berarak secara aman dan berkata: "Seperti tahun lepas, saya tidak berasa terancam, sebaliknya rasa bersama sebagai rakyat Malaysia, bersatu untuk satu tujuan," katanya.

Beliau bersimpati kepada peserta dan polis yang cedera tetapi menganggap ia tidak patut berlaku.

"Ia boleh dielakkan jika kerajaan bertindak dengan lebih bijak dan polis membiarkan peserta berarak dengan aman," katanya lagi.

